



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

TRIPARTITE ENGAGEMENT SESSION 2024

1. *Tripartite Engagement Session 2024* telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia pada 4 Disember 2024. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Majlis TVET Negara (MTVET) yang bertujuan **memahami cabaran yang dihadapi oleh pemegang-pemegang taruh JPK dalam menghadapi peralihan dunia pekerjaan** yang seterusnya akan menyebabkan perubahan terhadap teknologi, kemahiran dan pekerjaan sedia ada.
2. Program *Tripartite Engagement Session 2024* merupakan satu inisiatif untuk merealisasikan hasrat Kerajaan bagi **memastikan bakat masa depan berkemahiran yang dihasilkan melalui Institusi TVET adalah relevan dengan pekerjaan semasa, (*future job*) masa hadapan dan berpendapatan tinggi**. Ini adalah selaras dengan tumpuan utama Dasar TVET Negara 2030 iaitu untuk **melahirkan pekerja berkemahiran dengan berpendapatan tinggi** yang telah dibuat peluncurannya oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2024. Dasar TVET Negara 2030 ini telah **menggariskan hala tuju yang jelas dalam memperkukuh pembangunan modal insan Negara**.
3. Kerjasama kukuh pihak industri dan institusi TVET amat signifikan khususnya dalam mengatasi isu-isu seperti penyediaan infrastruktur dan kemudahan latihan, ketidakpadanan kemahiran iaitu *mismatch* dan isu pengangguran di kalangan graduan TVET selain mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET dipacu industri. Kerjasama yang kukuh ini seterusnya akan dapat memastikan padanan antara penawaran dengan

permintaan dalam membantu institusi TVET menyediakan keperluan kursus-kursus berteras industri berteknologi tinggi berdasarkan kepada kehendak industri.

4. Lima (5) bidang utama yang telah dikenalpasti mempunyai **potensi pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan yang tinggi** (*High Growth, High Value - HGHV*) telah dipilih untuk dijadikan sebagai tema utama bagi *Tripartite Engagement Session 2024* iaitu;
- a. Industri Asas Tani dan Hospitaliti;
 - b. Industri Nadir Bumi;
 - c. Industri Berasaskan Peralihan Tenaga;
 - d. Industri Elektrik dan Elektronik Bernilai Tinggi; dan
 - e. Industri Berasaskan Teknologi dan Digital.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
4 DISEMBER 2024**

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	